

# Kepakaran UMS diguna untuk MYUELINK

Oleh NIK JASNI CHE JAAFAR  
aileenkucheen@yahoo.com

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah terpilih sebagai salah satu rakan projek global, MYUELINK dengan peranannya untuk mengkoordinat dan mengajar subjek Sejarah dan Media kepada Kesatuan Eropah (EU).

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof Dr Amran Ahmed, berkata MYUELINK akan meningkatkan kesedaran dan pemahaman di kalangan universiti, pegawai kerajaan, pembuat keputusan dan kumpulan yang berkepentingan di negara ini mengenai EU dan dasarnya.

"Projek berkenaan akan menggalakkan kerjasama dan dialog mengenai dasar dalam pengajian tinggi dan sumber maklumat di negara ini dengan rangkaian inisiatif dasar makro EU.

"MYUELINK bertujuan menyediakan infrastruktur sokongan pendidikan tinggi dengan bekalan bahan secara atas talian (online), ringkasan dokumen dan kepakaran," katanya dalam sidang media di Canselori, UMS, kelmarin.

Pengurus projek MYUELINK, Prof Sayed Azam Ali, berkata projek berkenaan akan menyumbang kepada hub pengajian tinggi untuk rantau ini dan mengantarabangsakan sektor pendidikan negara.

"Projek berkenaan akan menggalakkan kerjasama dan dialog mengenai dasar dalam pengajian tinggi dan sumber maklumat di negara ini dengan rangkaian inisiatif dasar makro EU. MYUELINK bertujuan menyediakan infrastruktur sokongan pendidikan tinggi dengan bekalan bahan secara atas talian (online), ringkasan dokumen dan kepakaran."

## PROF DR AMRAN AHMED

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)



SAYED AZAM

"Projek ini juga akan menyumbang kepada agenda inovasi dan pembangunan ekonomi berasaskan pengetahuan.

"MYUELINK melibatkan dua institusi pengajian tinggi dari EU dan empat dari negara ini, selain tiga organisasi bersekutu Malaysia yang akan menyokong kepakaran EU dalam pelbagai lapangan yang terdiri daripada sektor pendidikan, awam dan swasta," katanya.

Naib Presiden University of Nottingham Kampus Malaysia (UNMC) itu turut berkata mereka juga berharap

dialog antara universiti dan sektor swasta dapat diadakan kerana selain projek, dasar pelaksanaannya adalah untuk meningkatkan pengetahuan selain menggalakkan sektor penyelidikan.

"Malaysia merupakan rakan strategik utama kita melaksanakan kerjasama penyelidikan dengan melibatkan sektor utama di negara ini.

"Kita melihat negara ini mempunyai potensi besar dengan kekayaan diversitinya yang bersifat tempatan tetapi diiktiraf di peringkat antarabangsa," kata Sayed Azam.

Sebelum ke Malaysia pada 2008 untuk menyertai UNMC, Sayed Azam merupakan profesor dalam bidang tropikal Agronomi di University of Nottingham, United Kingdom dan turut menjadi pensyarah di universiti itu selama lapan tahun.

Beliau telah menghasilkan lebih 100 penerbitan dalam bentuk jurnal, prosiding simposium dan persidangan, bahagian buku serta buku teks bertajuk 'Principles of

Tropical Agronomy'.

MYEULINK dijangka mengadakan Pameran Pendidikan Tinggi EU/Malaysia yang akan disertai persidangan bertemakan 'Establishing a Tertiary Education Hub for the Region: Opportunities and Challenges' pada tahun hadapan.



RASMI ... Lajim diiringi Hajaj sebagai simbol perasmian m...